

14 SEPTEMBER 2017

## Tiga operasi rampas dadah lebih RM5.3j

# Tiga operasi rampas dadah lebih RM5.3j

➔ Sindiket penyeludupan tumpas hasil maklumat antarabangsa

Oleh Safeek Affendy Razali  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tiga sindiket penyeludupan dan pengedaran dadah tumpas dalam tiga operasi oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman di sekitar Kedah, Kelantan dan ibu negara mulai Isnin lalu hingga kelmarin.

Dalam operasi yang turut disertai Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik (STING) itu, pelbagai jenis dadah seperti syabu,

ganja, pil yaba, pil Eramin 5 dan kokain bernilai lebih RM5.3 juta dirampas.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Mokhtar Mohd Shariff, berkata kejayaan ketiga-tiga operasi berkenaan adalah susulan tindakan ke atas sindiket dadah sebelum ini selain perkongsian maklumat dengan pihak antarabangsa.

"Dalam operasi pertama di Changlun, Kedah, JSJN menahan dua lelaki berusia 36 dan 42 tahun serta merampas 88 ketulan mampat daun kering disyaki ganja se-

berat 87.4 kilogram (kg).

"Operasi kedua semalam (kelmarin) di sekitar Pasir Puteh, Pasir Mas dan Rantau Panjang membawa kepada penangkapan tiga lelaki dan dua wanita berusia antara 23 hingga 42 tahun," katanya dalam sidang media di sini, semalam.

### Rampas kokain 263 gram

Beliau berkata, pihaknya turut menemui dan merampas syabu seberat 66.34 kilogram serta 36 biji pil yaba dan Eramin 5 dianggar bernilai RM5 juta dalam operasi kelmarin.

Mokhtar berkata, dalam operasi



Mohd Mokhtar (tengah) menunjukkan barang rampasan pada sidang media di Bukit Aman, semalam.



Penangkapan dua lelaki warga Nigeria adalah berdasarkan perkongsian maklumat dan kerjasama antara JSJN dan DEA berpangkalan di AS"

Mohd Mokhtar Mohd Shariff,  
Pengarah Jabatan Siasatan  
Jenayah Narkotik, Bukit Aman

ketiga, pihaknya menahan dua lelaki warga Nigeria berusia 36 dan 38 tahun selain merampas dadah ganja seberat 1.2kg dan kokain seberat 263 gram.

"Penangkapan dua lelaki warga Nigeria ini adalah berdasarkan perkongsian maklumat dan kerjasama antara JSJN dan Agensi Penguatkuasaan Dadah (DEA) berpangkalan di Amerika Syarikat," katanya.

Mereka yang ditahan disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman mati mandatori jika disabit kesalahan.